

NO SOALAN :38**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 20.11.2017**

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [Kuantan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional keputusan menyewa dan perincian kegunaan bangunan LHDN di Kuantan yang disewa dari syarikat CDO dengan kadar sewa sebanyak RM680,000 sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menduduki Bangunan Menara CDO bermula 15 September 2014 secara sewaan pada kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) berdasarkan kepada kadar pasaran sewaan bangunan pejabat di sekitar bandar Kuantan, Pahang.

Rasional keputusan menyewa Bangunan CDO adalah disebabkan oleh ruang pejabat lama di Kuantan Centre Point yang diduduki sejak tahun 2001 tidak lagi mampu menampung pertambahan bilangan staf, pelanggan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh LHDNM saban hari.

Oleh itu, penyewaan Bangunan CDO adalah sesuai kerana bangunan ini berkeluasan 203,455.47 kaki persegi merangkumi 13 tingkat ruang pejabat dan 2 tingkat parkir bawah tanah bagi menempatkan Pejabat Pengarah Negeri Pahang, LHDNM Cawangan Kuantan dan LHDNM Cawangan Siasatan Kuantan. Bangunan ini juga mampu menyediakan ruang kerja kepada 260 orang pegawai termasuk pegawai sambilan dan pegawai kontrak LHDNM di samping menyediakan kemudahan yang lebih kondusif kepada pelanggan yang berurusan dengan LHDNM.

Bayaran kadar sewaan adalah meliputi sewaan ruang pejabat, perabot dan peralatan, insuran kebakaran, pembaikan kerosakan dalaman dan luaran bangunan, penyelenggaraan ruang pejabat, bayaran cukai pintu dan cukai tanah, penyediaan parkir bawah tanah bangunan serta kelengkapan lain seperti sistem keselamatan, sistem teknologi maklumat dan sistem elektronik voltan

rendah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 39

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan sebab-sebab harga tiket kapal
terbang di dalam negeri Sarawak terlalu mahal.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, syarikat-syarikat penerbangan boleh menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah perlindungan pengguna (*consumer protection*) dimana MAVCOM bertanggungjawab untuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan. Sehingga kini, MAVCOM mendapati harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah harga yang kompetitif.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, kadar tambang yang dikenakan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings adalah berdasarkan

79

harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang mengambil kira semua aspek termasuk surcaj bahan api (*fuel surcharge*).

Selain itu, Kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara bagi laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax – GST*).

Pihak MASwings pada waktu-waktu tertentu turut mengadakan promosi pengurangan harga tambang bagi laluan yang dioperasikan oleh pesawat ATR72-500 seperti *Mid Year Deals* yang boleh didapati daripada semua saluran penjualan tiket kapal terbang MASwings termasuk melalui laman web dan agen untuk memudahkan penumpang.